



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 5, September 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kedudukan Watak-Watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen "Ammavuku" Menerusi Kajian Subaltern

S. Vinesh Raj¹, Manonmani Devi M.A.R. Annamalai¹

¹Department of Modern Languages, Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University (UPSI)

Correspondence: S. Vinesh Raj (vnes4569@gmail.com)

Abstrak

Kajian tentang 'menelusuri watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen 'Ammavuku'; satu kajian subaltern' ini bertujuan untuk mengenal pasti kedudukan watak wanita dalam sistem patriarki seperti yang digambarkan oleh Saras dalam kumpulan cerpennya 'Ammavuku'. Kajian ini dapat menjawab persoalan tentang kedudukan wanita-wanita subaltern dalam sesebuah organisasi keluarga. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dan dihuraikan secara deskriptif. Kaedah kajian kepustakaan dibuat untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dalam kajian ini. Bahan – bahan rujukan dalam buku, jurnal, internet, serta perpustakaan daripada beberapa institut pengajian tinggi awam telah dikaji untuk mengambil maklumat dan data dengan terperinci. Kaedah kepustakaan digunakan secara menyeluruh dalam kajian ini. Kajian Subaltern dalam cerpen Saras meliputi hak-hak wanita yang ditindas oleh golongan lelaki dalam kehidupan seharian mereka. Hak wanita yang dikaji dari segi kedudukan wanita sebagai seorang ibu, isteri dan anak. Penelitian terhadap teori subaltern dalam kumpulan cerpen 'Ammavuku' akan menjadi suatu kesedaran bagi masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dalam institusi kekeluargaan.

Kata kunci: wanita, subaltern, patriarki, kesusasteraan Tamil

The Position of the Female Characters in the Compilation of Short Stories "Ammavuku" Through Subltern Studies

Abstract

Research 'traces the female characters in the short story' Ammavuku '; a subaltern study aimed to identify the position of female characters in the patriarchal system as described by Saras in her short story 'Ammavuku'. This research able to answer questions about the position of subaltern women in a family organization. This study was conducted using qualitative and descriptive methods. Information and data obtained through the library research method were made by looking for reference materials in books, journals, the internet, as well as libraries of several public institutes of higher learning. The literature method is used extensively in this study. The Subaltern study in Saras short stories covers the rights of women who are oppressed by men in their daily lives. The rights of women studied in terms of women as mothers, wives and children. The study of subaltern theory in the 'Ammavuku' short story will be a solution to the problems faced by women and to raise awareness among women in family institutions.

Keywords: woman, subaltern, patriarchy, Tamil literature

Pengenalan

Karya kesusasteraan merupakan satu penyampaian oleh penulis kepada masyarakat mengenai sesuatu hal, nilai dan pendapat. Karya-karya kesusasteraan mempunyai hubungan yang rapat dengan kelompok masyarakat. Selalunya, pengkarya akan mencipta karyanya mengikut kesesuaian dan nilai masyarakat sekelilingnya supaya mesej yang hendak disampaikan dapat diperolehi oleh masyarakat. Maka, sastera merupakan suatu unsur yang menunjukkan kisah manusia secara teratur menurut Jesuthas (2010). Banyak cerpen Tamil berfokuskan kepada masalah wanita dikeluarkan di Malaysia mahupun di India seperti *Pugal Petra Ithikasa Pengal Aivar*, *Ippadiyaga Oru Snegithi* dan juga lain-lain lagi. Pelbagai isu berkaitan wanita telah diutarakan oleh para penulis demi mempersoalkan kedudukan wanita dari segi perspektif mereka yang tersendiri. Cerpen-cerpen sebegini juga boleh dikatakan telah memberi satu pendedahan dan penekanan terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita. Secara amnya, masalah wanita boleh dikatakan berpunca daripada adanya sistem patriarki yang membezakan mereka (wanita) dengan lelaki.

Sistem patriarki merupakan sebuah sistem yang menempatkan golongan lelaki pada posisi tengah atau yang terpenting, sementara yang lainnya seperti isteri dan anak diposisikan mengikut kepentingan golongan lelaki tersebut yang dikategorikan sebagai *the patriarch* Nina Nurmila (2015). Mengikut beliau lagi, dalam sistem patriarki, perempuan diposisikan sebagai isteri yang bertugas mendampingi, melengkap, menghibur dan melayani suami (*the patriach*), sementara anak diposisikan sebagai generasi penerus dan penghibur ayahnya. Sehubungan perkara ini, sistem masyarakat patriarki jelas sekali menjadi bukti utama situasi sebegini di mana yakni golongan wanita yang berada di bawah telah dipinggirkan dalam pelbagai aspek kehidupan seharian mereka. Kelahiran sistem patriarki telah membuatkan perempuan tergeser ke pekerjaan-pekerjaan domestik dan bekerja mengikut kesesuaian golongan lelaki. Hal ini menjadi akar dominasi golongan lelaki terhadap perempuan. Maka, golongan wanita ini ditindas dan juga dipinggirkan oleh golongan lelaki.

Menurut Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff & Muhammad Adnan (2017), wanita merupakan golongan yang memainkan peranan yang penting di dalam sebuah struktur masyarakat. Peranan tersebut merujuk kepada melangkaui peringkat negara mahupun di peringkat unit terkecil di dalam sesebuah masyarakat iaitu institusi keluarga. Maka, wanita memainkan peranan yang penting dalam mengerakkan sesebuah institusi kekeluargaan ke arah yang lebih maju dan tinggi. Sehubungan itu, dalam perbicaraan tentang golongan wanita dalam dunia kesusasteraan menjurus kepada persepsi wanita sebagai bahan penceritaan, sama ada dalam hasil karya pengarang lelaki ataupun wanita, perwatakan yang digambarkan kepada wanita dalam karya sastera oleh pengarang lelaki dan wanita adalah berbeza. Menurut Nazir Harith (2017), dalam *Perempuan Dalam Imej dan Kata*,

Ada kekurangan dalam penulisan lelaki berkenaan wanita. Jeritan batin seorang wanita tidak nyaring; kompleksiti jiwa mereka yang tak dapat dicoretkan. Di sini ada jurang antara gambaran wanita melalui jantina penulis. Selalu terpapar ialah stereotaip seorang lelaki terhadap wanita – tugasnya dan emosinya.

Secara umumnya, kedudukan wanita dalam masyarakat merupakan satu persoalan yang sering diperkatakan. Mereka masih berdepan dengan pelbagai halangan dan kekangan menurut Norhayati Ab.Rahman (2005).

Bagi tujuan kajian ini, istilah subaltern adalah untuk mengidentifikasikan golongan terpinggir dalam patriarki kekeluargaan iaitu wanita. Hal ini demikian kerana, manusia yang ditindas, dipinggirkan, dibisukan, dikuasai, dan didominasi dengan hegemoni dan kuasa undang-undang akan mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka demi mencapai kedudukan setara dengan pihak yang lebih berkuasa. Wanita *subaltern* ini telah dipersuarakan oleh Gayatri Chakravorty Spivak (1988) dalam artikelnya bertajuk "*Can the Subaltern Speak*". Maka, perwatakan wanita-wanita yang dipinggirkan iaitu wanita *subaltern* lebih sesuai dan tepat untuk dikaji mengikut kajian *subaltern*

kerana tinjauan ini akan menghasilkan satu dapatan yang menarik serta menggambarkan penderitaan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita *subaltern*.

Pernyataan Masalah

Wanita mempunyai cabaran tersendiri dalam kehidupan mereka, lebih-lebih lagi wanita yang berkerjaya. Hal ini demikian, mereka perlu berkerja serta melaksanakan tugasnya sebagai seorang isteri dan ibu pada masa yang sama. Seorang wanita juga terikat dengan pelbagai peraturan dan budaya yang perlu dipatuhi, membuatkan mereka sukar untuk memenuhi kesemua peranan mereka dengan baik (Nursyamimi Saidi, 2014). Tekanan seorang wanita berganda apabila persekitaran serta sikap sesetengah golongan lelaki tidak memberi sokongan padu kepada mereka.

Kedudukan wanita dalam sesebuah keluarga merupakan satu persoalan yang sering diperkatakan. Mereka masih berdepan dengan pelbagai halangan dan kekangan menurut Norhayati Ab. Rahman (2006). Pengkaji telah menyedari tentang kepentingan untuk menggambarkan situasi wanita subaltern yang kian berlaku dalam kehidupan seharian dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Mengambil berat hal ini, pengkaji menjalankan kajian ini untuk menilai kedudukan wanita sepertimana yang dilakar dalam kumpulan cerpen '*Ammavuku*'.

Objektif kajian

Satu objektif kajian telah dipilih oleh pengkaji bagi meneliti kajian ini. Objektif tersebut ialah untuk mengkaji kedudukan watak-watak wanita Subaltern dalam institusi keluarga cerpen '*Ammavuku*' karya Saras.

Metodologi kajian


Teori Subaltern digunakan secara meluas dalam kajian ini untuk mengintegrasikan pemikiran Subaltern oleh golongan wanita dalam cerpen-cerpen Saras. Dua kaedah digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kepustakaan, dan kaedah analisis teks. Kedua-dua kaedah ini digunakan secara sistematik supaya dapat memudahkan pengkaji untuk memberi satu gambaran yang jelas serta mendapatkan data yang diperlukan dengan tepat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan sumber – sumber daripada perpustakaan seperti jurnal, tesis, buku-buku berkaitan teori Subaltern dan bahan – bahan elektronik seperti e-jurnal, e-tesis, e-artikel bagi memperoleh maklumat tentang kedudukan wanita yang dikaji.

Bahan bertulis iaitu kumpulan cerpen yang berjudul "*Ammavuku*" telah digunakan sepenuhnya sebagai sumber untuk mengumpul data daripada kaedah ini. Buku ini ditulis dalam bahasa Tamil sepenuhnya. Edisi pertama buku ini diterbitkan pada tahun 2015 oleh K.S.K Printings, Penang. Buku ini mengandungi 120 halaman dengan 10 cerpen berkenaan kehidupan wanita Subaltern. Buku ini menjadi sumber utama kajian bagi mengumpul data yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

Data kajian dianalisis melalui kaedah analisis teks (content analysis) untuk menganalisis data bagi memperoleh maklumat berkaitan objektif yang dikaji bagi mencapai hasil yang terbaik dalam kajian ini. Seterusnya, teori Subaltern digunakan untuk menganalisis data secara induktif.

Kerangka Teori

Pengkaji telah membuat kerangka kajian yang tepat menjelaskan tajuk kajian iaitu '*Menelusuri Watak-Watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen 'Ammavuku'*'. Teori Subaltern telah dipilih untuk dijadikan sebagai landasan bagi kajian yang dijalankan. Bahagian ini menggunakan tiga perspektif yang menjadi tunjang utama kajian.



Rajah 1: Kerangka Teori Subaltern yang dikaji

Kedudukan watak wanita dalam kumpulan cerpen ‘Ammavuku’

Kedudukan wanita sebagai seorang isteri

- i. Isteri dianggap sebagai orang gaji
- ii. Suami berkuasa tinggi (mutlak)
- iii. Wanita dianggap sebagai mesin untuk melahirkan anak
- iv. Pandang rendah terhadap pandangan isteri
- v. Tidak memberi hak kesamarataan dalam institusi keluarga
- vi. Mendapatkan kebenaran suami setiap kali mengunjung ke rumah ibu.
- vii. Dilihat sebagai hamba yang menanggung segala tugas luar dan dalam rumah
- viii. Isteri didera (kekejaman domestik)
- ix. Isteri tidak diberi perlindungan

Dalam kumpulan cerpen ‘Ammavuku’ enam daripada sembilan cerpen yang dipilih, secara keseluruhannya Saras telah mencitrakan perwatakan watak seorang isteri yang menghadapi pelbagai rintangan dalam kehidupannya.

Jadual 1.0 Watak-watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen ‘Ammavuku’

Bil	Cerpen	Watak Wanita
1	Kaalam Kadantha Pin (C1)	Sivagami
2	Mindu Vantha Suvadugal (C2)	Amma (Tiada nama diberikan)
3	Asaivugal (C3)	Amma (Tiada nama diberikan)
4	Ammavuku (C4)	Senthamarai
5	Suthanthiram kethen... iyanthiram aanen...(C5)	Tamizhini
6	Manaku(mura)l (C6)	Vasugi
7	Velicham (C7)	Mathavi
8	Panippen (C8)	Nandhini
9	Samema? Sarisamema? (C9)	Amma (Tiada nama diberikan)

Dalam, C1, C4 dan C5 isteri dianggap sebagai seorang rang gaji oleh suami mereka dimana suami hanya mengarahkannya untuk membuat kerja rumah dan tidak langsung menolong. Di sini, kuasa suami turut ditunjukkan sebagai kuasa mutlak yang tidak boleh dipersoalkan oleh isteri. Dalam C2 dan C6, perkara ini ditunjukkan dimana isteri perlu mengikuti segala arahan suami tanpa menyoalkannya. Seterusnya, Saras juga mencitrakan perwatakan isteri dalam C1 dan C2 sebagai mesin untuk melahirkan anak. Selain itu, setiap pandangan dan cadangan yang diberi oleh isteri dipandang rendah serta dikritik oleh suami tanpa mempertimbangkan logiknya dalam C1, C2, C3, C4, C5 dan C6. Seterusnya, isteri tidak diberi kesamarataan dalam institusi keluarga. Perkara ini membuktikan penindasan kaum wanita dalam patriarki kekeluargaan. Isteri juga harus mendapatkan kebenaran suaminya untuk mengunjung ke rumah ibu bapanya sendiri padahal suami tidak berbuat demikian dalam C4 dan C6. Selain itu, isteri dicitrakan sebagai seorang hamba dimana isteri hanya tidur selepas melaksanakan tanggungjawab hariannya dan selepas menidurkan anak-anaknya. Suami tidak mengambil berat mahupun mengambil bahagian dalam tanggungjawab harian isteri walaupun untuk menidurkan anak-anaknya dalam C4. Dalam C5 pula, isteri yang melaksanakan segala tanggungjawab dan tugas luar atau di dalam rumah yang berkaitan keluarga. Suami hanya menjadi penasihat semata-mata memberi pandangan kepada isteri. Watak wanita yang menjalankan kesemua tanggungjawab kekeluargaan didera oleh suaminya yang tidak bertanggungjawab dalam C6. Hal ini juga dapat dilihat sebagai isteri tidak mendapat perlindungan daripada suaminya sendiri. Secara keseluruhannya, perwatakan isteri yang dicitrakan dalam cerpen-cerpen ini mewakili kehidupan seorang isteri yang tidak diberi hak kesamarataan dalam institusi keluarga realiti.

Wanita sebagai seorang ibu

- i. Menanggung segala tanggungjawab untuk membesarkan anaknya
- ii. Tidak memberi penghormatan dan menyeksa ibu kerana bapa lebih kuasa dan dipandang tinggi berbanding dengan ibu
- iii. Kesengsaraan ibu tunggal
- iv. Anak-anak Meninggalkan ibu tunggal persendirian
- v. Tidak memberi sokongan dari segi kewangan untuk perbelanjaan pendidikan anak

Peranan seorang ibu dalam mendirikan tunjang keluarganya amat penting. Begitulah Saras mencitrakan rintangan yang dihadapi oleh seseorang ibu dalam mendirikan tunjang hidup keluarganya. Perwatakan ibu yang dicitrakan oleh Saras menerima pelbagai penindasan daripada warga lelaki secara langsung mahupun tidak langsung. Dalam C1, C2 dan C5, watak ibu terpaksa menanggung segala tanggungjawab untuk membesarkan anaknya. Membesarkan anak merupakan tanggungjawab bersama seorang ibu dan bapa. Dalam hal ini, watak suami tidak memainkan peranannya dan hanya menjadikan isterinya sebagai faktor penyebab sekiranya anak-anaknya melakukan sebarang kesalahan dengan menyatakan pemeliharaan ibunya yang tidak betul. Seterusnya, ibu juga tidak diberi penghormatan yang sewajar oleh anak-anaknya serta menyeksa ibu dalam pelbagai situasi. Hal ini berlaku apabila, anak-anak bertanggungjawab bahawa bapa lebih berkuasa daripada ibu dan bapa dipandang nilainya tinggi dalam patriarki keluarga. Keadaan ini ditunjukkan jelas dalam C2 dan C4. Seterusnya, dalam C5 anak-anak meninggalkan ibu tunggalnya begitu sahaja selepas mendirikan rumah tangga masing-masing dengan bertanggungjawab bahawa ibu boleh menjaga dirinya sendiri. Anak-anak lelakinya masing-masing juga bertanggungjawab bahawa adik beradik lelaki dan perempuan yang lain akan menjaga ibunya sehinggakan tidak ada siapa yang menjaga ibu tunggal itu. Sebagai seorang ibu yang bertanggungjawab untuk mendidik anaknya dalam C6, ibu tersebut tidak mendapat sebarang sokongan kewangan daripada bapa anaknya. Segala perbelanjaan terpaksa ditanggung oleh ibunya sendiri dalam memastikan pendidikan anaknya tidak terjejas demi masa depan yang cerah. Maka, ibu tetap melaksanakan tanggungjawabnya dalam membesarkan anaknya walau apa juga rintangan yang dihadapinya.

Wanita sebagai seorang anak

- i. Anak perempuan dilarang memberi pandangan
- ii. Anak perempuan tidak ada hak ke atas ibu bapa dan keluarga mereka

- iii. Anak perempuan yang sudah berumah tangga tidak boleh bercampur tangan dalam masalah keluarga asal
- iv. Tidak mementingkan pendidikan anak perempuan

Daripada sembilan cerpen yang dipilih hanya dua cerpen iaitu C4 dan C6 mempunyai perwatakan wanita sebagai seorang anak. Dalam C4, anak perempuan dilarang daripada memberikan sebarang pandangan dalam apa jua hal yang berkaitan keluarga. Anak lelaki sahaja yang boleh memberikan pandangan serta mengambil sebarang tindakan tanpa mengira tindakan tersebut membawa kesan yang baik atau buruk terhadap masa depan keluarga. Seterusnya, perwatakan anak perempuan dicitrakan sebagai anak yang tidak boleh mengambil hak ke atas ibu bapa dan keluarga mereka dalam C4. Selain itu, anak perempuan yang sudah berumah tangga tidak boleh campur tangan dalam hal-hal yang melibatkan keluarga asalnya. Hal ini diberi penekanan daripada adik-beradik lelakinya dan suaminya sendiri. Anak lelaki berpegang pada konsep anak lelaki lebih berkuasa serta berpandangan lebih jauh logik daripada anak perempuan. Suami pula bertanggapan bahawa isterinya harus berfokus pada keluarga sendiri dan keluarga suaminya, seolah-olah keluarga suami menjadi keluarga asal isterinya. Mereka tidak mempertimbangkan perasaan kasih sayang dan keinginan untuk menolong keluarga seorang anak perempuan. Seterusnya, pendidikan anak perempuan tidak diberi perhatian oleh ayahnya dalam C6. Ayahnya berpendapat bahawa anak perempuan setelah menjadi dewasa akan dikahwinkan kepada seorang lelaki dan anak perempuannya tidak akan membawa sebarang keuntungan kepada keluarga serta dirinya pada masa depan. Maka, anak perempuan ditindas dari zaman muda lagi tanpa pengetahuannya.

Kesimpulan

Secara konklusinya, pengkaji menghuraikan secara terperinci kajian ke atas 9 cerpen berdasarkan kaedah analisis teks daripada kumpulan cerpen 'Ammavukku' karya Saras. Kajian ke atas 9 cerpen ini berdasarkan objektif kajian iaitu kedudukan watak-watak wanita Subaltern dalam institusi keluarga. Dengan melihat perwatakan wanita dalam setiap cerpen yang dipilih karya Saras, golongan wanita diklasifikasikan sebagai golongan Subaltern yang menduduki ruang yang paling bawah dalam sistem patriarki keluarga. Golongan wanita tidak mampu untuk bangkit dan menunjukkan kemunculannya dalam patriarki keluarga. Hal ini demikian kerana, golongan wanita hanya mencuba untuk bangkit dan bukannya melawan balik untuk hak mereka dalam keluarga demi menjaga kesejahteraan keluarganya. Dalam hal ini, kenyataan Gayatri Spivak menjadi benar dimana beliau menyatakan golongan Subaltern tidak dapat berbicara dan menentukan pilihan kehidupannya. Mereka akan tetap tidak bersuara dan suara mereka (wanita) hanya didengar oleh diri mereka sendiri.

Rujukan

- Jesuthas. (2010). *Cerpen Karya M.Shanmugasiva: Satu Kajian Tema dan*
- Nazir Harith. (2017). *Perempuan Dalam Imej dan Kata*.
- Nina Nurmila. (2015). *Pengaruh Budaya Patriarki Terhadap Pemahaman Agama Dan Pembentukan Budaya*. Indonesia: Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung.
- Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Tesis sarjana sastera.Puitika Sastera Wanita Dalam Novel-novel Pengarang wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Ginokritik*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nursyamimi Saidi. (2014). Cabaran Wanita Bekerja. [atas talian] [muat turun 25 Jun 2018] http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140415/ke_01/Cabaran-wanita-bekerja.
- Saras. O. (2015). *Ammavukku*. Pulau Pinang: K.S.K Printings (M) SDN.BHD Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Spivok,Gayatri Chakravorthy. (1988). "Can The Subaltern Speak?" Dalam Nelson Cary dan Lawrence Grossberg (ed.). *Marxism and the Interpretation of Culture*. Urbana: University of Illinoyis Press.
- Struktur. Tesis sarjana sastera*. Jabatan Pengajian India. Tesis Sarjana
- Siti Nur Husna, Mohd Izhar Ariff & Muhammad Adnan. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *e-Bangi*, 12(3), 1-16.